

| | | | |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH | 5 / 6 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 27 | RUANGAN | Setempat |



CERIA...Johari (tengah) bergambar bersama peserta Kem Bijak Kelab TaHa.

Ikuti Kem Bijak TaHa

KUALA LUMPUR: Seramai 40 pelajar sekolah menengah di kawasan Parlimen Titiwangsa mengikuti Kem Bijak TaHa anjuran Tabung Haji dengan kerjasama akhbar Berita Harian selama dua hari bermula semalam.

Kem yang mendapat tajaan sepenuhnya Penyelaras Barisan Nasional Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani itu diadakan di sebuah pusat latihan di Semenyih dan disertai pelajar berusia 13

hingga 17 tahun.

Johari ketika ditemui berkata, ia merupakan inisiatif pihaknya bagi membantu remaja di kawasan berkecukupan rendah bagi mengikuti program menarik sempena cuti sekolah.

"Tujuan penajaan program ini adalah bagi memberi semangat dan memastikan mereka menghabiskan masa cuti sekolah dengan aktiviti bermanfaat di samping dapat

menimba pengalaman baru bersama rakan-rakan.

"Selain itu, program ini juga bermanfaat untuk meningkatkan motivasi melalui aktiviti yang disediakan dan diharap menjadikan mereka lebih bersemangat untuk menuntut ilmu sehingga ke peringkat lebih tinggi," katanya selepas menghantar rombongan pelajar bertolak ke kem berkenaan, di sini, semalam.